



Ruj. Kami : JANM.BPPP(S).500-3/2/1 (10)
Tarikh : 15 Disember 2020

Ketua Setiausaha Kementerian

YB Setiausaha Kerajaan Negeri

Pengarah Bahagian/Negeri/Cawangan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia

YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**URUSAN PERTIMBANGAN KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI KUMPULAN
PELAKSANA SKIM PERKHIDMATAN PERAKAUNAN DI JABATAN
AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (JANM)**

Dengan segala hormatnya saya diarah menarik perhatian YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan ini akan melaksanakan urusan kenaikan pangkat pegawai kumpulan pelaksana Skim Perkhidmatan Perakaunan yang telah **memangku jawatan Penolong Akauntan Gred W40/W36/W32 dan Pembantu Akauntan Gred W28/W26/W22 pada 31 Julai 2020 dan sebelumnya.**

3. Semua permohonan hendaklah menggunakan borang yang boleh dicetak melalui ePerkhidmatan (rujuk Portal JANM) dengan mengemukakan dokumen-dokumen seperti berikut:

- 3.1 Satu (1) salinan borang permohonan cetak *online* melalui ePerkhidmatan kenaikan pangkat di pautan:

http://www.anm.gov.my/anm_app/4/eperkhidmatan/K2_utama.php
- 3.2 Satu (1) salinan Buku Perkhidmatan Kerajaan pegawai yang dikemas kini;
- 3.3 Surat Penempatan Pemangkuan;
- 3.4 Salinan Keputusan Kelulusan Tapisan Keutuhan SPRM; dan
- 3.5 Salinan Laporan Penilaian Prestasi (LNPT) bagi Tahun 2018, 2019 dan 2020.

4. Sehubungan itu, kerjasama YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan dipohon untuk mengemukakan dokumen yang lengkap ke Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan, JANM **sebelum atau pada 15 Januari 2021** di alamat:

**Pengarah
Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Aras 7, No.1, Kompleks Kementerian Kewangan
Persiaran Perdana, Presint 2
62594 W.P.PUTRAJAYA
(u.p: Urus Setia Kenaikan Pangkat)**

5. Dimaklumkan bahawa adalah menjadi **tanggungjawab** Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) untuk **menyemak dan mengesahkan semua maklumat yang dikemukakan adalah tepat berdasarkan buku rekod perkhidmatan pegawai yang terkini**. Sebarang **kesilapan fakta yang telah disahkan oleh BPSM boleh menyebabkan permohonan tersebut tidak dipertimbangkan**. Permohonan yang **tidak lengkap atau lewat diterima tidak akan diproses**.

6. Sebarang pertanyaan berhubung urusan kenaikan pangkat ini boleh diajukan terus kepada pegawai-pegawai berikut:

Bil	Nama Pegawai	No. Telefon	E-mel Jabatan @anm.gov.my
1.	Puan Jesseca Anak Randi	03-88821094	jesseca.randi
2.	Cik Trifiziana binti Ngadam	03-88821092	trifi.ngadam

7. Segala perhatian dan kerjasama YBhg. Tan Sri/Datuk Seri/Dato' Seri/Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/tuan/puan berhubung perkara ini amatlah dihargai serta didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

'Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi'

Saya yang menjalankan amanah,



(NOORHASLEND A BINTI ABDULLAH)

Bahagian Pembangunan Perakaunan Dan Pengurusan

b.p. Akauntan Negara Malaysia

☎ 03-88821034

E-mel: lenda.abdullah@anm.gov.my

s.k : ANM

TAN (K)

TAN (O)

P (BPPP)